



# Kadar Jenayah Jalanan Menurun sebanyak 7.6 peratus

Kuala Lumpur: Program Hala Tuju Tranformasi Kerajaan (GTP) yang merangkumi prinsip 1 Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan dan dilancarkan pada Julai 2009 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, telah merakamkan prestasi awal yang cemerlang dalam Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA).

Dalam tinjauan yang dilaksanakan baru-baru ini, NKRA ini telah merakamkan kejatuhan sebanyak 13 peratus dalam bilangan kes jenayah jalanan yang

perlaksanaan sepenuhnya dan memberi keputusan yang ingin kami capai. Akan tetapi, apa yang lebih penting kepada kami adalah supaya Rakyat mengetahui bahawa kerajaan amat bersungguh-sungguh terhadap usaha menjadikan negara ini sebuah negara yang lebih aman untuk semua. Kami akan terus meneliti aktiviti-aktiviti kami untuk memastikan momentum yang dihasilkan setakat ini tidak akan melesap.”

Hishammuddin berkata bahawa sasaran kerajaan adalah untuk mencapai

memberi ganjaran kepada pemilik-pemilik yang memasang ciri-ciri keselamatan yang dipertingkatkan dengan menggalakkan pemberi insurans untuk menyelaraskan premium insurans menurut ciri-ciri keselamatan yang dipasang; dan meningkatkan kebolehan mendapat dan menggunakan peranti capaian mudah alih, membolehkan pegawai-pegawai polis dalam rondaan untuk menyemak status hakmilik kenderaan menerusi pautan kepada pendaftaran kenderaan

Metro Ahad 16/02/2010 x157

## Jenayah indeks yang dilaporkan di Malaysia

Pengurangan sebanyak **3.7%** dalam kadar jenayah indeks  
Pengurangan sebenar sebanyak **2,011** kes



### Jenayah Indeks merangkumi:

Pencurian harta benda  
Kecurian  
Curi ragut  
Kecurian motosikal  
Kecurian kereta  
Kecurian mesin berat  
Pecah masuk (malam)  
Pecah masuk (siang)

Jenayah kekerasan  
Samun geng tanpa senjata  
Samun tanpa senjata  
Samun geng bersenjata  
Samun bersenjata  
Pelakuan serangan  
Rogol  
Pembunuhan

dilaporkan pada bulan Januari 2010 berbanding dengan bilangan yang dilaporkan pada bulan Disember 2009.

Kadar jenayah jalanan yang dilaporkan merakamkan kejatuhan sebanyak 7.6 peratus dalam suku keempat tahun 2009 apabila tahap dasar diukur pada bulan Julai 2009. Sementara itu, jenayah indeks pula merakamkan penurunan sebanyak 3.7 peratus dalam suku terakhir (Disember) tahun 2009 berbanding dengan tahap dasar suku kedua (Julai) tahun 2009.

“Mengurangkan jenayah adalah amat penting dalam rancangan kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju sepenuhnya menjelang tahun 2020,” kata Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hishammuddin Hussein, yang juga merupakan menteri yang menerajui perjuangan NKRA pengurangan jenayah. “Jenayah dan perasaan takut terhadap jenayah mempengaruhi kualiti hidup Rakyat, yang adakalanya melibatkan kesan yang sungguh memudaratkan. Jenayah menjejaskan seluruh lapisan masyarakat, tanpa mengira umur, tahap pendidikan, jantina, bangsa, agama atau kekayaan dan menambahkan beban kepada pembiayaan yang kena ditanggung oleh ekonomi negara.

“Oleh itu, kami memang amat kagum dengan keputusan awal ini,” tambah Hishammuddin. “Ini menunjukkan bahawa GTP sudah berada dalam tahap

pengurangan sekurang-kurangnya 5 peratus dalam jenayah indeks keseluruhan yang dilaporkan setiap tahun untuk tiga tahun yang akan datang. Namun demikian, oleh kerana jenayah jalanan adalah tumpuan utama, kerajaan mensasarkan keberhasilan yang lebih cepat – pengurangan sebanyak 20 peratus dalam jenayah jalanan yang dilapor menjelang Disember 2010.



**Hishammuddin di pelancaran Pelan Hala Tuju GTP baru-baru ini menerangkan komitmen Kerajaan untuk mengurangkan jenayah**

Di antara inisiatif-inisiatif yang diberi kepentingan dan yang akan menyumbang kepada pengurangan keseluruhan jenayah indeks, seperti yang ditandakan oleh Pelan GTP termasuk: mengamalkan pengawasan terhadap kecurian motosikal, kecurian kereta dan pecah rumah; mempertingkatkan ciri-ciri keselamatan untuk motosikal, kereta dan rumah, termasuk menggalakkan pemasangan kunci khas untuk motosikal dan merekodkan bahagian-bahagian kenderaan,

Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Untuk mengurangkan jenayah jalanan, di antara inisiatif-inisiatif yang dikuatkuasakan termasuk memastikan kehadiran polis di mana-mana 50 kawasan panas (hot spot) berlakunya jenayah di empat negeri (Kuala Lumpur, Johor, Selangor dan Penang) yang biasanya mewakili lebih 70 peratus daripada kes jenayah jalanan dan memperkukuhkan kehadiran mereka dengan sokongan daripada 3,000 sukarelawan yang terlatih (termasuk ahli Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) dan Ikatan Relawan Rakyat (RELA)) menjelang tahun 2010; meletakkan 500 kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan hot spot untuk menghalang aktiviti-aktiviti jenayah, membolehkan gerakbalas segera daripada pihak polis dan memudahkan pengenalan pesalah; mendirikan mahkamah khas dan mahkamah malam untuk pembicaraan jenayah jalanan yang lebih pantas; membentuk Program Bandar Selamat (SCP) untuk menggabungkan agensi-agensi yang berkenaan untuk menangani masalah-masalah tempatan dengan inisiatif yang disuaitkan menurut keperluan tempatan. Misalnya, inisiatif tempatan ini akan merangkumi pendirian penghadang atau tiang kecil (bollard) untuk mengasingkan pejalan kaki daripada laluan motosikal dan memperbaiki program pemulihan dalam penjara dan memperkenalkan program penempatan semula selepas dibebaskan dari penjara.

## Jenayah jalanan yang dilaporkan di Malaysia

Pengurangan sebanyak **7.6%** dalam kadar jenayah jalanan

Pengurangan sebenar sebanyak **700 kes**



Jenayah jalanan merangkumi:

Subset jenayah indeks  
Curi ragut  
Samun geng tanpa senjata  
Samun tanpa senjata

Dari Pelan Hala Tuju GTP

Pemulihan juga akan dikendalikan dengan pendekatan yang lebih tertumpu, misalnya, mengasingkan pesalah kali pertama dalam penjara daripada banduan tegar atau berulang, agar pemulihan yang sesuai digunakan.

“Jenayah dan rasa takut terhadap jenayah adalah urusan utama kerajaan, lebih-lebih lagi jika jenayah ini membabitkan peningkatan mendadak jenayah harta benda,” tegas Hishammuddin. Laporan media menunjukkan bahawa jenayah merupakan masalah yang paling membimbangkan di Malaysia, walaupun hadirnya usaha Polis DiRaja Malaysia (PDRM).

Di antara sebab-sebab yang dikenali termasuk pengangguran, penghijrahan para belia dari desa ke bandar, kemasukan pendatang haram, kekurangan kakitangan dan kenderaan polis untuk menarungi jenayah dan

kegagalan usaha pemulihan penagih dadah. Hishammuddin berkata, untuk mengatasi masalah ini, peningkatan prestasi keseluruhan sistem keadilan jenayah adalah kritikal demi membina dan memulihkan keyakinan orang awam dan juga mengukuhkan maruah profesional ke seluruh sistem. “Untuk memastikan pembicaraan dan hukuman yang tepat terhadap penjenayah berat, kami akan menyingkirkan lebih daripada 6,000 kes jenayah kekerasan daripada tunggakan kami,” kata beliau. Tambah beliau, sasaran kami adalah untuk membicarakan lagi 1,000 penjenayah keras pada tahun 2010.

Kerajaan juga akan berjuang untuk memperbaiki pandangan awam terhadap keselamatan dan mengurangkan kekhawatiran menjadi mangsa jenayah melalui strategi tiga-unsur dalam meningkatkan perasaan keselamatan Rakyat, menggalakan

sukarelawan dan kerap berkomunikasi dengan Rakyat dalam pencegahan dan pengurangan jenayah.

Untuk meningkatkan keyakinan Rakyat terhadap keselamatan negara, inisiatif-inisiatif yang dirangkakan termasuk: penglibatan pegawai-pegawai kanan polis berpangkat inspektor dan ke atas dalam tinjauan bersama ahli polis bertugas untuk tiga hingga lima sejam dalam seminggu. “Kehadiran mereka akan membantu meyakinkan Rakyat dan menggalakkan kekerapan rondaan ahli polis,” kata Hishammuddin. “Kehadiran anggota polis berhenti dan berbual bersama orang awam selama 10 hingga 15 minit setiap jam ketika rondaan biasa akan member peluang untuk orang awam menimbulkan kekhawatiran mereka dan mengenali pihak polis tempatan dengan lebih rapat. Begitu juga dengan pihak polis yang akan lebih mengenali kawasan rondaan mereka.”